



1 Jun 2015
1 June 2015
P.U. (A) 104

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN
(AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN) (PINDAAN) 2015

*HOUSING DEVELOPMENT (HOUSING DEVELOPMENT
ACCOUNT) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) (Pindaan) 2015**.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991 [P.U. (A) 231/1991], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “fee” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “fi”.

Pindaan peraturan 1A

3. Peraturan 1A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “perakuan layak menduduki” perkataan “atau perakuan siap dan pematuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan peraturan 3A

4. Peraturan 3A dan perenggan 3A(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “RM200,000.00” dengan perkataan “suatu amaun yang bersamaan dengan tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan seperti yang diperakui oleh arkitek yang bertanggungjawab bagi pemajuan perumahan itu”.

Pindaan peraturan 4A

5. Peraturan 4A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu hari bekerja” dengan perkataan “tiga puluh hari”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
- “(3) Apa-apa pembayaran berhubung dengan jumlah penebusan di bawah Jadual G dan H, hendaklah dibayar secara terus kepada bank dan/atau institusi kewangan (pembiaya titian) dan bank/dan atau institusi kewangan itu hendaklah mengeluarkan suatu penyata kepada pemaju perumahan berlesen dan pembeli bahawa pembayaran itu telah dibuat.”.

Pindaan peraturan 7

6. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (b) dan subperenggan (c)(ii), dengan menggantikan perkataan “pinjaman” dengan perkataan “kemudahan kewangan”;
 - (b) dalam subperenggan (d)(i), dengan memasukkan selepas perkataan “premium insurans” perkataan “atau caruman takaful”; dan
 - (c) dalam subperenggan (d)(ii), dengan menggantikan perkataan “dan fi perunding” dengan perkataan “, fi juruukur tanah dan lain-lain bayaran perunding”.

Pindaan peraturan 8

7. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (2)(a) dan (b), dengan menggantikan perkataan “cek yang disuruh bayar” dengan perkataan “apa-apa kaedah pembayaran selain daripada kaedah tunai”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:
- “(4) Bagi tiap-tiap tuntutan yang dibuat oleh pemaju perumahan berlesen di bawah peraturan ini daripada Akaun Pemajuan Perumahan, satu salinan penyata bank hendaklah dikemukakan kepada Pengawal sebelum akhir bulan yang berikutnya.”.

Pindaan peraturan 9

8. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “perakuan layak menduduki” perkataan “atau perakuan siap dan pematuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 11

9. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “siap” perkataan “dengan perakuan siap dan pematuhan”;
 - (b) dengan memotong perkataan “dan” di akhir perenggan (a);
 - (c) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) tempoh liabiliti kecacatan telah luput.”.

Pindaan peraturan 11A

10. Peraturan 11A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peraturan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Pengawal boleh menggunakan wang di dalam Akaun Pemajuan Perumahan untuk mematuhi award yang dibuat oleh Tribunal.”.

Pindaan peraturan 12A

11. Peraturan 12A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “laporan” perkataan “Akaun Pemajuan Perumahan”; dan

(b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “setiap dan segala deposit dan pengeluaran yang direkodkan dalam akaun” dengan perkataan “Akaun Pemajuan Perumahan telah diselenggara”.

Pindaan peraturan 12B

12. Peraturan 12B Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perbuatan fraud atau penyalahgunaan wang” dengan perkataan “salah aturan”.